

# Inisiatif galakkan bidang penulisan



**YANG** Berhormat Mufti Kerajaan berkesempatan untuk melihat dengan lebih dekat buku-buku baharu yang diterbitkan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan berjaya menerbitkan 32 buah buku terbaharu dalam pelbagai bidang hasil tulisan

beberapa ahli akademik tempatan dan luar negara.

Majlis pelancaran buku-buku terbitan tersebut berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA dan disempurnakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin

Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebanyak sembilan buah buku diterbitkan dalam bahasa Melayu, tujuh buah dalam bahasa Inggeris dan tujuh buah dalam bahasa Arab. Manakala sebanyak lima buah jurnal, sebuah ensiklopedia dan tiga buah monograf juga turut diterbitkan.

Sejurus selesai pelancaran buku-buku baharu terbitan UNISSA, Yang Berhormat Mufti Kerajaan, seterusnya menyampaikan Anugerah Buku-Buku UNISSA kepada tiga kategori penulisan.

Buku bertajuk, 'Hala Tuju Penilaian Prestasi : Pendekatan Islam Sebagai Gantian' hasil penulisan, Profesor Kehormat, University College Bestari, Setiu, Terengganu, Yang Berbahagia Profesor Dr. Abd. Aziz bin Yusof, merupakan penerima Anugerah Buku bagi Kategori Buku Bahasa Melayu.

Seterusnya, bagi penerima Anugerah Buku bagi Kategori Bahasa Inggeris, buku bertajuk, 'Leadership In Islam : Ibn



**YANG** Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan anugerah kepada salah seorang pemenang Anugerah Buku UNISSA.

Khaldun's Perspective', iaitu hasil tulisan Penolong Profesor, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam UNISSA, Dr. Ahamad Faosiy Ogunbado.

Manakala penerima Anugerah Buku bagi Kategori Bahasa Arab melalui buku bertajuk 'الوقف الإسلامي بين النظرية والتطبيق' (Wakaf Islam antara Teori dan Praktikal), hasil tulisan Timbalan Dekan, Fakulti Usuluddin, Dr. Shayuthy bin Abd. Manas dan Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA, Dr. Ismail bin Abdullah.

Pengiktirafan dalam bidang penerbitan menerusi Penganugerahan Buku-Buku merupakan salah satu inisiatif UNISSA Press bagi menggalakkan penghasilan karya tulisan dalam kalangan kakitangan akademik UNISSA dan menarik pihak-pihak lain menghantar manuskrip mereka ke UNISSA Press untuk diterbitkan.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Pegawai-pegawai Kanan JMK, Pegawai Eksekutif dan Pegawai-pegawai Utama UNISSA.

## Kerjasama pasarkan hasil penerbitan



**YANG** Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman yang merupakan platform bagi menjalin dan mengembangkan kerjasama dalam bidang penerbitan dan pemasaran hasil terbitan, khususnya di antara Jabatan Mufti Kerajaan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 November. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akan bekerjasama memasarkan hasil terbitan masing-masing yang boleh didapati di kedua-dua buah institusi berkenaan.

Selain itu, kedua-dua institusi tersebut juga akan bekerjasama dalam mempromosikan dan memasarkan hasil terbitan semasa penganjuran persidangan, seminar dan seumpamanya atau semasa menyertai pameran atau pesta buku peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Oleh itu, JMK dan UNISSA hari ini mengukuhkan lagi hubungan antara dua hala dengan termeterainya satu penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA.

Terdahulu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA, Profesor Madya Dr. Hajah Rose binti Abdullah, dalam

ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan, tercatat satu lagi lakaran sejarah dalam usaha penerbitan buku-buku ilmiah, iaitu penandatanganan MoU di antara JMK dengan UNISSA.

UNISSA Press jelasnya, mengangap penandatanganan MoU ini sebagai satu penghormatan kepada UNISSA yang baru berusia beberapa tahun.

"Dengan adanya MoU ini nanti, kerjasama pemasaran buku kedua-dua belah pihak akan dapat digiatkan, di saluran pemasaran kedua-dua belah pihak, iaitu di Kedai UNISSA Press dan Kedai JMK begitu juga melalui lain-lain saluran pemasaran sama ada di dalam mahupun di luar negara.

"Perundingan - perundingan akan terus dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat murni pengukuhan aktiviti pemasaran hasil terbitan kedua-dua institusi," tambahnya lagi.

Hadir menyaksikan penandatanganan ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka

Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menandatangani bagi pihak JMK ialah Penolong Mufti (Buhuts), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof dan Pemangku Pengarah Pentadbiran, JMK, Awang Haji Mohiddin bin Haji Mustafa.

Sementara bagi pihak UNISSA pula, ditandatangani oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal dan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA, Profesor Madya Dr. Hajah Rose.

Adapun perjanjian MoU itu merupakan platform untuk menjalin dan mengembangkan kerjasama dalam bidang penerbitan dan pemasaran hasil terbitan.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Pegawai-pegawai Kanan JMK, Pegawai Eksekutif dan Pegawai-pegawai Utama UNISSA.



**SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?**

Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

**Gunakan penutup mulut dan hidung JIKA awda**  **demam**  **batuk**  **selsema**

**Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.**

**Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan berwarna menghadap keluar.**

**Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.**

**Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.**

**Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.**

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

**Imbas di sini** untuk keterangan lanjut.

[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)  123